

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

UTHM/PP/100-6/3 Jld. 12(38)

30September2019

PEKELILING PENGURUSAN BIL.9 TAHUN 2019

PERATURAN UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (LALULINTAS) 2007 PINDAAN 2019

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Eksekutif Bil. 3/2019 yang bersidang pada 24 Februari 2019 telah meluluskan Peraturan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Lalulintas) 2007 Pindaan 2019. Semua staf, pelajar dan pengguna jalanraya dalam kampus dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan tersebut sepertiditetapkan pada papantanda-papantanda lalulintas yang telah dipasang dikawasan Universiti.

2. Nama dan pemakaian

(a) Peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Lalulintas) 2007Pindaan 2019.

(b) Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat yang berada di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

3. Tafsiran

Dalam peraturan ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain;

“**arahan lalulintas**”, ertinya apa-apa perintah, arahan atau petunjuk yang diberi oleh seseorang yang berkuasa kepada mana-mana orang yang menggunakan jalan atau kenderaan atau kenderaan motor di dalam Kampus;

“**asrama**” , ertinya apa-apa perumahan, baik apapun dinamakan, yang disediakan oleh Universiti untuk kediaman pelajar-pelajar;

“**isyarat lalulintas**” , termasuklah segala isyarat, tiang isyarat amaran, tiang arahan, tanda atau alat-alat yang didirikan atau disediakan pada atau berhampiran dengan jalan untuk pengetahuan, panduan atau menunjukkan arahan kepada orang yang menggunakan jalan;

“**kawasan kampus**” , ertinya di kawasan kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia termasuk tanah, bangunan, asrama dan kompleks siswa, yang ada di dalam kampus-kampus berikut:-

- i. Kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia;
- ii. Kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Cawangan Pagoh.
- iii. Kampus Bandar;
- iv. Mana-mana kawasan yang disewa, dipajak atau digunakan oleh UTHM dari masa ke semasa; dan
- v. Mana-mana kawasan kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang akan didirikan dari semasa ke semasa.

“**kenderaan**” , ertinya suatu struktur yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan bagi membawa mana-mana orang atau benda yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak;

“**kenderaan motor**” , ertinya tiap-tiap perihal kenderaan yang digerakkan oleh jentera mekanisma yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya boleh digunakan di atas jalan, dan termasuklah apa-apa kenderaan yang ditarik oleh sesuatu kenderaan motor sama ada atau tidak bahagian dari kenderaan yang ditarik itu menindih atas kenderaan motor yang menariknya;

“**jalan**” , ertinya mana-mana jalan awam di kawasan kampus dan mana-mana jalan lain yang mana orang awam mempunyai akses dan termasuklah jambatan, terowong, hentian sebelah, jalan bertingkat, bulatan jalan, pembahagi jalan, segala lorong lalulintas, bahu jalan, garis tengah, jejambat, jalan tembok, jalan tuju, landasan masuk dan keluar dan lekapan lain bagi memberi kesansepenuh kepada penggunaannya;

“**lalulintas**” , termasuklah basikal, trisikal, kenderaan motor, kereta trem, kenderaan daripada setiap jenis, pejalan kaki, perarakan dan segala binatang yang ditanggung, digembalakan atau diheret;

“**Lembaga**” , ertinya Lembaga Pengarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia;

“**meletak kereta**” , ertinya membawa sesuatu kenderaan ke keadaan yang tidak bergerak dan menyebabkan kenderaan itu menunggu bagi apa-apa maksud selain mengambil atau menurunkan dengan serta merta orang, barang-barang atau bagasi;

“**orang yang diberi kuasa**” , ertinya Pegawai Keselamatan, Penolong Pegawai Keselamatan, Pembantu Keselamatan dan Pengawal Keselamatan atau mana-mana orang atau kumpulan orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya untuk bertindak bagi pihak Universiti;

“**pekerja luar**” , ertinya mana-mana orang yang bukan staf Universiti yang menjalankan sesuatu kerja tetap atau sementara di Universiti ini;

“**pelajar**” , termasuklah mana-mana pelajar berdaftar di Universiti untuk mendapatkan suatu diploma atau ijazah, pelajar lepasan ijazah, pelajar sambilan, pelajar di bawah rancangan pengajian jarak jauh atau luar kampus, pelajar mengikuti kursus sepenuh masa atau sambilan di Universiti;

“**pelajar pemegang biasiswa**” , termasuklah mana-mana pelajar yang sedang belajar atas biasiswa, dermasiswa, pinjaman, tajaan, cuti bergaji atau tanpa gaji, atau atas pemberian atau apa-apa kemudahan lain, daripada mana-mana kerajaan, institusi, pihak berkuasa berkanun, organisasi perdagangan atau perniagaan atau badan lain;

“**pelawat**” , ertinya mana-mana orang yang datang melawat ke kawasan kampus Universiti;

“**pengguna kenderaan**” , ertinya mana-mana orang termasuk staf, pelajar, pekerja-pekerja luar, pelawat dan sesiapa sahaja yang memasuki kawasan kampus dengan membawa kenderaan;

“**staf**” , ertinya mana-mana pekerja Universiti sama ada secara tetap, kontrak, sambilan atau sementara; dan

“**Universiti**” , ertinya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

4. Akta, Kaedah dan Peraturan lain yang terpakai

Peraturan ini hendaklah dipakai bersama-sama dengan peruntukan undang-undang berikut:

- 1) Akta Pengangkutan Jalan 1987;
- 2) Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000; dan
- 3) Kaedah-kaedah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2007.

5. Tatatertib lalulintas

Sebagai tambahan kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 dan Kaedah-Kaedah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2007, mana-mana staf, pelajar, pekerja-pekerja luar dan pelawat hendaklah mematuhi perkara-perkara yang berikut:

- (1) Kebenaran bertulis bagi menyimpan, memiliki atau menggunakan (1) Kebenaran bertulis bagi menyimpan, memiliki atau menggunakan
- (a) Mana-mana orang yang bercadang untuk menyimpan, mempunyai dalam milikannya atau menggunakan apa-apa kenderaan motor di dalam kawasan kampus hendaklah, pada mulanya, memohon dan memperoleh suatu kebenaran bertulis berkenaan dengan kenderaan motor itu daripada Naib Canselor, permohonan dan kebenaran bertulis itu hendaklah dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan oleh Naib Canselor, tertakluk kepada subperaturan (b).
 - (b) Permohonan bagi kebenaran itu hendaklah dibuat secara bertulis dengan menyatakan perihalan kenderaan motor itu dan hendaklah disertai dengan lesen kenderaan motor semasa dan polisi insurans pihak ketiga semasa berkenaan dengan kenderaan motor itu dan lesen memandu yang sah berkenaan dengan pemohon itu.
 - (c) Kebenaran tersebut hendaklah dipamerkan pada bila-bila masa secara mudah dilihat di atas kenderaan motor.
 - (d) Kebenaran itu hendaklah diperbaharui pada setiap tempoh yang ditetapkan dan peruntukan subperaturan (a) dan (b) hendaklah terpakai mutatis mutandis bagi sesuatu permohonan untuk pembaharuan.
 - (e) Lembaga atau orang yang diberi kuasa boleh enggan memberi kebenaran atau menarik balik secara bertempoh atau membatalkan kebenaran atau menarik balik secara bertempoh atau membatalkan kebenaran atau penarik balikan atau pembatalan apa-apa kebenaran yang diberikan itu bukan untuk kepentingan Universiti bagi memegang kebenaran itu.
 - (f)
 - i) Staf dihadkan kepada dua (2) buah motosikal dan dua (2) buah motokar.
 - ii) Pelajar dihadkan kepada sebuah (1) motosikal dan sebuah (1) motokar.
 - iii) Pekerja luar dihadkan kepada sebuah (1) motosikal dan sebuah (1) motokar.
- (2) Larangan Penggunaan Kenderaan Tahun 1 Dan Yang Menginap Di Asrama Dalam Kampus
- (a) Pelajar tahun 1 yang menginap di asrama dalam kampus tidak dibenarkan menggunakan/ membawa kenderaan didalam kawasan kampus.

- (3) Had laju
 - (a) Tiada seseorang pun boleh memandu kenderaan motor di dalam kawasan kampus pada kelajuan yang lebih daripada yang ditunjukkan oleh isyarat lalulintas.
- (4) Kenderaan motor hendaklah dipandu hanya atas jalan raya
 - (a) Tiada seseorang pun boleh memandu kenderaan motor di mana-mana tempat selain di bahagian jalan yang digunakan sebagai jalan laluan bagi kenderaan motor; khususnya, tiada motor boleh dipandu di atas laluan jalan kaki, bahu jalan, atas rumput, lorong jalan kaki, koridor, beranda, kaki lima, laman dalam atau dalam mana-mana bangunan atau tempat lain sama ada di sisi jalan laluan atau selainnya, yang biasanya tidak dimaksudkan atau tidak disediakan secara khas untuk laluan kenderaan motor.
- (5) Meletak kenderaan secara menghalang
 - (a) Tiada seseorang pun boleh meletak apa-apa kenderaan di mana-mana tempat atau dalam apa-apa cara yang menyebabkan bahaya, halangan atau kesulitan kepada mana-mana orang atau kenderaan lain.
- (6) Menggunakan ruang letak kenderaan yang diuntukkan
 - (a) Jika suatu ruang letak kenderaan dikhaskan bagi kenderaan tertentu, tiada seseorang pun boleh meletak kenderaan lain dalam ruang letak kenderaan itu.
 - (b) Kenderaan hanya boleh diletakkan di ruang letak kenderaan yang dibenarkan sahaja kecuali dengan kebenaran khas.
- (7) Membonceng
 - (a) Mana-mana orang yang menunggang motosikal beroda dua tidak boleh membawa lebih daripada satu orang di atas motosikal itu.
 - (b) Tiada seseorang pun boleh membawa seseorang yang lain di atas motosikal beroda dua melainkan jika orang itu duduk membonceng motosikal itu di belakang tempat duduk pemandu di atas tempat duduk yang direka bentuk dengan sempurna dan dipasang dengan kukuh pada motosikal itu.

- (c) Mana-mana orang tidak boleh membenarkan dirinya dibawa di atas motosikal beroda dua yang dipandu oleh seseorang yang melanggar peraturan 7 (a) atau (b).
- (8) Arahan dan isyarat lalulintas
- (a) Mana-mana orang hendaklah mematuhi semua arahan lalulintas dan isyaratlalulintas.
- (9) Pengeluaran lesen memandu dan kad pekerja/ kad matrik
- (a) Mana-mana orang yang memandu atau yang menjaga atau mengawal sesebuah kenderaan motor hendaklah membawa bersamanya suatu lesen memandu yang sah yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan kad matriknya dan hendaklah mengeluarkan lesen memandu dan / atau kad matrik atau kad pekerja untuk diperiksa oleh orang yang diberi kuasa apabila dikehendaki berbuat demikian.
- (10) Halangan kepada aliran lalulintas
- (a) Tiada seseorang pun boleh berkelakuan dalam apa-apa cara, atau melakukan apa-apa perbuatan, yang menghalang atau mengganggu perjalanan lalulintas yang licin dan teratur di dalam kawasan kampus.
 - (b) Kebenaran bertulis hendaklah diperolehi daripada Ketua Bahagian Keselamatan bagi mengadakan konvoi berkenderaan di dalam kawasan kampus.
- (11) Kunci ketiga bagi motosikal
- (a) Semua kenderaan motosikal hendaklah dikunci dengan kunci ketiga semasa kenderaan motosikal diletakkan di kawasan kampus.
- (12) Larangan mengubahsuai kenderaan
- (a) Mana-mana pengguna kenderaan bermotor dilarang mengubahsuai kenderaan sebagaimana larangan yang dinyatakan di dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987.
- (13) Larangan mempamerkan pelekat berunsur politik dan unsur tidak sihat
- (a) Pengguna kenderaan tidak dibenarkan mempamerkan pada kenderaan apa-apa pelekat yang berunsur politik dan/atau unsur-

unsur tidak sihat yang pada pandangan Universiti boleh menjejaskan keharmonian dan ketenteraman kampus.

(14) Larangan meletak kenderaan

- (a) Tiada kenderaan boleh diletakkan di atas laluan pejalan kaki, bahu jalan, atas rumput, koridor, beranda, kaki lima, laman dalam atau dalam mana-mana bangunan atau tempat lain sama ada di sisi jalan laluan atau selainnya yang tidak dimaksudkan atau tidak disediakan secara khas untuk meletak kenderaan bermotor.
- (b) Tiada kenderaan boleh ditinggalkan di dalam kawasan kampus melebihi dua hari tanpa kebenaran Ketua Bahagian Keselamatan.

(15) Larangan meninggalkan kunci pada kenderaan

- (a) Mana-mana pengguna kenderaan dilarang meninggalkan kunci semasa meninggalkan kenderaannya.

6. Tindakan di atas kesalahan lalulintas

Mana-mana orang yang melanggar mana-mana tata tertib lalulintas di bawah peraturan ini adalah melakukan kesalahan lalulintas dan boleh dikenakan satu atau lebih tindakan-tindakan berikut:

- (1) Dendaan sebagaimana dinyatakan di Lampiran 1;
- (2) Apa-apa kebenaran menyimpan, memiliki atau menggunakan kenderaan dalam kampus akan digantung atau dibatalkan;
- (3) Roda kenderaan boleh dikunci bagi kenderaan yang diletakkan di kawasan larangan meletak kenderaan dan akan dikenakan dendaan seperti di Lampiran 1;
- (4) Staf boleh dikenakan tindakan tata tertib mengikut Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000; dan
- (5) Pelajar boleh dikenakan tindakan tata tertib mengikut Kaedah-kaedah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2007.

7. Kuasa-kuasa orang yang diberi kuasa

Kuasa-kuasa orang yang diberi kuasa adalah seperti berikut:

- (1) Menarik balik kebenaran bagi tempoh tertentu terhadap pengguna untuk menyimpan, memiliki atau menggunakan kenderaan dalam kampus;

- (2) Membatalkan kebenaran untuk menyimpan, memiliki atau menggunakan kenderaan dalam kampus;
- (3) Melarang kenderaan motor yang tidak mempamerkan pelekat kenderaan dan cukai jalan dari memasuki kawasan kampus;
- (4) Menahan kenderaan motor dan menahan seseorang yang melakukan kesalahan lalulintas dalam kawasan kampus bagi tujuan mengambil sebarang maklumat mengenainya yang difikirkan perlu;
- (5) Melaporkan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan untuk tindakan tatatertib jika difikirkan perlu di atas kesalahan yang dilakukan oleh staf atau pelajar Universiti;
- (6) Mengunci roda kenderaan bagi kenderaan yang diletakkan di kawasan larangan meletak kenderaan.
- (7) Mengambil apa-apa jua tindakan lain yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Universiti bagi menguatkuasakan peraturan ini.
- (8) Mengalihkan kenderaan yang melanggar peraturan, menghalang pergerakan lalulintas atau menghalang kelancaran majlis ke suatu tempat di bawah kawalan keselamatan dan bayaran perkhidmatan sebanyak RM 150.00 dikenakan kepada pemilik kenderaan.
- (9) Mengalih dan memulakan proses melupuskan mana-mana kenderaan yang ditinggalkan melebihi tiga puluh (30) hari di suatu tempat di dalam kawasan kampus.
- (10) Mempertimbangkan kelulusan permohonan untuk menganjurkan konvoi berkenderaan di dalam kampus.
- (11) Memanggil pemilik kenderaan untuk mendapatkan maklumat bagi melengkapkan laporan kemalangan dan sebagainya.

8. Kuasa mendengar rayuan

Orang yang diberi kuasa mendengar dan meluluskan rayuan di bawah peraturan ini adalah:

- (a) Ketua Bahagian Keselamatan.
- (b) Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang mengetuai Unit di Bahagian Keselamatan.
- (c) Penolong Pegawai Keselamatan.
- (d) Ketua Unit lalulintas.

9. Tatacara Pembayaran Dendaan

- (1) Rayuan hanya akan dipertimbangkan jika dibuat sebelum 7 hari setelah Dendaan Terus dikeluarkan.
- (2) Pengguna/Pemilik kenderaan yang dikenakan Dendaan Terus dikehendaki membuat bayaran kepada Bendahari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia seperti mana kaedah pembayaran yang berkuatkuasa.
- (3) Kadar bayaran adalah seperti **Lampiran 1** atau yang akan ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

10. Ketua Jabatan dimohon untuk memastikan peraturan ini disampaikan kepada staf bawahan masing-masing dan menjalankan pemantauan yang sewajarnya bagi membantu mengelakkan staf berkaitan daripada dikenakan tindakan tatatertib di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].

Sekian untuk perhatian YBhg. Prof. Datuk/Prof. Dato'/Prof. Datin/Prof./Tuan/Puan.


Terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

Yang benar,

ABDUL HALIM BIN ABDUL RAHMAN

Pendaftar

 : 07-4537100

- s.k.
- *NaibCanselor*
 - *TimbalanNaibCanselor (AkademikdanAntarabangsa)*
 - *TimbalanNaibCanselor (PenyelidikandanInovasi)*
 - *TimbalanNaibCanselor (Hal EhwalPelajardan Alumni)*
 - *Provost UTHM KampusCawanganPagoh*
 - *Bendahari*
 - *Menjalankan Tugas KetuaPustakawan*
 - *PenasihatUndang-Undang*
 - *PenolongNaibCanselor (KelestarianKewangan)*
 - *PenolongNaibCanselor (PerancanganStrategik&PerhubunganKorporat)*
 - *Dekan-DekanFakulti/Pusat*
 - *Pengarah-PengarahPejabat/Pusat*

- *Ketua-KetuaPejabat/Pusat/Unit*

KADAR DENDAAN TERUS BAGI KESALAHAN LALULINTAS

Bil	Jenis Kesalahan	BAYARAN 1 - 7 HARI (RM)	BAYARAN 8 – 14 HARI (RM)	BAYARAN 15 HARI KE ATAS (RM)
1	Memandu kenderaan tanpa lesen memandu yang sah	50	75	100
2	Menunggang tanpa lesen memandu yang sah	50	75	100
3	Memalsukan Pelekat Kenderaan	50	75	100
4	Tidak pamer/tidak memiliki cukai jalan yang sah	25	37	50
5	Memandu secara merbahaya	25	37	50
6	Memalsukan nombor pendaftaran kenderaan	25	37	50
7	Tidak memiliki pelekat kenderaan yang sah	25	37	50
8	Menunggang tanpa memakai topi keledar	25	37	50
9	Membonceng tanpa memakai topi keledar	25	37	50
10	Kesalahan meletak kenderaan	25	37	50
11	Gagal mengunci kenderaan	25	37	50
12	Meninggalkan kunci kenderaan pada kenderaan	25	37	50
13	Menggunakan kenderaan tanpa kebenaran yang sah	25	37	50
14	Memandu / menunggang dengan cuai hingga menyebabkan kemalangan	25	37	50
15	Memandu/menunggang melawan arus	25	37	50
16	Memandu/Menunggang melebihi had kelajuan yang ditetapkan	25	37	50
17	Kenderaan mengeluarkan asap berlebihan	25	37	50
18	Merosakkan peralatan keselamatan lalulintas	25	37	50
19	Gagal mempamer pelekat kenderaan	15	22	30
20	Memandu atau memasuki kawasan larangan	15	22	30
21	Gagal mematuhi arahan/ papantanda lalulintas	15	22	30
22	Gagal mengenakan kunci ketiga	15	22	30
23	Tidak memasang lampu kenderaan	15	22	30
24	Tiada lampu isyarat / lampu brek / lampu ketiga	15	22	30
25	Tiada cermin sisi	15	22	30
26	Membawa pembonceng melebihi seorang	15	22	30
27	Mengubah suai ekzos kenderaan	15	22	30
28	Gagal mematuhi arahan yang diberikan oleh orang yang diberi kuasa	15	22	30
29	Mengubahsuai nombor pendaftaran kenderaan	15	22	30
30	Menunggang /membonceng tanpa Memakai Vest Pantulan Cahaya	15	22	30
31	Kesalahan lalulintas yang lain	15	22	30
32	Bayaran Perkhidmatan : i) Perkhidmatan Mengalihkkan Kenderaan -			

	RM150.00(Bayaran Tanpa Diskaun)			
--	-----------------------------------	--	--	--